

APABILA USIA CECAH 40 TAHUN

Rebut peluang beramal soleh dengan penuh kesungguhan



Bersama
Dr Syed Sultan Bee Packeer Mohamed



Sebagai insan matang, mestilah memberi perhatian serius berkaitan kehidupannya di akhirat, merancang dan mengerjakan amal soleh yang dapat menjamin keselamatan di sana

etiap sesuatu yang bernyawa pasti akan merasai kematian. Manusia tidak mengetahui bila dan di mana dia akan mati. Justeru, setiap individu Muslim perlu mempersiapkan diri untuk menghadapi kematian, lebih-lebih lagi apabila usia sudah mencecah 40 tahun. Ini kerana pada usia ini, seseorang berada pada kemuncak kematangan.

Dia sudah mampu menilai apa yang baik dan yang buruk untuk dirinya. Berhubung usia 40 tahun ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Setelah dia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur 40 tahun, berdoalah dia dengan berkata: 'Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapakku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai.'" (Surah Ahqaf ayat 15)

Sebagai insan matang, seseorang mestilah memberi perhatian serius berkaitan kehidupannya di akhirat, merancang dan mengerjakan amal soleh yang dapat menjamin keselamatannya di sana. Antara amal soleh yang perlu dititikberatkan oleh setiap individu Muslim ialah:

Pertama: Mencintai Rasulullah SAW dengan sepenuh hati. Seseorang yang mencintai Rasulullah SAW akan terselamat di alam kubur dan dimasukkan ke dalam syurga. Rasulullah SAW bersabda mengenai hal ini yang bermaksud: "Sesungguhnya seorang hamba Mukmin apabila diletakkan di dalam kuburnya, lalu para sahabatnya beredar dan dia mendengar bunyi tapak kasut mereka. Ketika itu, datang kepadanya dua malaikat lalu mendudukkannya dan bertanya: 'Apakah yang engkau katakan tentang lelaki ini?' Rasulullah SAW bersabda: 'Orang Mukmin berkata: Aku bersaksi bahawa baginda ialah hamba Allah dan Rasul-Nya. Maka dikatakan kepadanya: 'Lihatlah tempatmu di neraka, Allah menggantikannya dengan

tempat di syurga'. Lalu Rasulullah SAW bersabda: 'Dia melihat kedua-duanya (syurga dan neraka).'" (Hadis Riwayat Muslim)

Hadis di atas menunjukkan bahawa mencintai Rasulullah SAW menjadi sebab untuk seseorang yang ditetapkan tempatnya di neraka ditukarkan ke syurga. Justeru, sosok Rasulullah SAW yang mulia perlu dikenali dan dicintai. Untuk itu, sirah baginda dan hadis perlu dipelajari. Selain itu, kecintaan kepada baginda perlu dibuktikan dengan memperbanyakkan selawat ke atasnya setiap hari dan mempraktikkan sunah baginda.

Kedua: Menjaga solat. Ini kerana solat adalah ibadah pertama yang akan dihisab oleh Allah SWT di akhirat nanti. Rasulullah SAW bersabda mengenai hal ini yang bermaksud: "Sesungguhnya amal pertama seseorang hamba yang akan dihisab pada hari kiamat daripada keseluruhan amalannya ialah solatnya. Jika baik solatnya, maka berbahagia dan berjaya dia. Jika buruk solatnya, kecewa dan rugilah dia." (Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Daripada hadis di atas, dapat kita fahami solat menjadi kayu ukur yang menentukan keselamatan kehidupan seseorang di akhirat nanti. Justeru, setiap individu Muslim perlu betul-betul menjaga solatnya. Selagi bernyawa dan mempunyai akal yang waras, seseorang tidak terlepas daripada kewajipan mendirikan solat.

Ketiga: Membanyakkan membaca al-Quran. Masa yang khas untuk membaca al-Quran perlu diperuntukkan dan dijadikan kewajipan setiap hari. Ia tidak sewajarnya dijadikan aktiviti untuk memenuhi masa lapang sahaja. Allah SWT menyediakan balasan yang sangat besar kepada sesiapa yang mendampingi al-Quran ketika hayatnya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Al-Quran akan menemui sahabatnya dalam bentuk lelaki berwajah cerah pada hari kiamat apabila kuburnya dibuka. Al-Quran akan bertanya kepadanya, 'Adakah engkau mengenalku?'. Orang itu akan berkata, 'Saya tidak mengenali engkau'. Al-Quran akan berkata: 'Akulah sahabatmu, Quran, yang telah



menyebabkan kamu dahaga ketika panas dan membuat kamu bangun ketika malam." (Hadis Riwayat Ahmad)

Keempat: Menginfakkan harta pada jalan Allah SWT. Ia dapat dilakukan melalui zakat, sedekah, wakaf, hibah, wasiat dan sebagainya. Ini kerana Allah SWT menjanjikan pahala yang berlipat ganda bagi mereka yang membelanjakan harta benda mereka dengan niat yang ikhlas kerana-Nya. Oleh sebab itu, Allah SWT menyebut dalam al-Quran bahawa orang yang berada pada ambang kematian meminta kepada-Nya agar dilewatkan ajalnya supaya dia dapat berinfak pada jalan-Nya. Allah SWT menjelaskan hal ini dalam firman-Nya yang bermaksud: "Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang daripada kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka dia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: 'Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi daripada orang yang soleh.'" (Surah al-Munafiqun ayat 10)

Syeikh Tantawi menyatakan maksud 'sedekah' dalam ayat ini mencakupi zakat yang diwajibkan, sedekah sunat serta pelbagai bentuk kebajikan dan kebaikan yang lain. Ayat ini jelas menunjukkan bahawa orang yang menghampiri kematian hanya meminta

kepada Allah SWT agar memberi peluang kepadanya untuk berinfak. Dia tidak meminta untuk diberikan peluang untuk melaksanakan ibadat lain seperti solat, puasa mahupun haji kerana menyedari betapa besarnya pahala infak.

Kelima: Mencari sahabat yang soleh. Ini kerana orang soleh yang dimasukkan ke dalam syurga diizinkan oleh Allah SWT untuk memberi syafaat kepada saudaranya yang dimasukkan ke dalam neraka. Rasulullah SAW telah menjelaskan perkara ini dalam sabda baginda yang bermaksud: "Maka demi Tuhan yang jiwaku berada di tangan-Nya, tidak ada seorang pun daripada kalian yang bersungguh-sungguh memohon kepada Allah untuk menuntut hak, melebihi orang Mukmin pada hari kiamat ketika mereka memohon kepada Allah bagi pihak saudara mereka yang berada di dalam neraka. Mereka berkata: 'Tuhan kami, dahulu mereka pernah berpuasa bersama kami, bersolat dan menunaikan haji'. Lalu dikatakan kepada mereka: 'Keluarkanlah orang yang kamu kenali'. Maka wajah mereka diharamkan daripada api neraka. Lalu mereka mengeluarkan ramai manusia yang telah disentuh api hingga ke pertengahan betis mereka dan hingga ke lutut mereka.'" (Hadis Riwayat Muslim)

Jelas daripada hadis ini betapa pentingnya untuk mencari sahabat yang soleh. Justeru, surau, masjid, kelas pengajian perlu dikunjungi kerana di situlah tempat berkumpulnya orang soleh.

Semua perkara yang diuraikan di atas perlu diambangi cakna oleh setiap individu Muslim terutama mereka yang sudah mencecah usia 40 tahun dan lebih. Ini kerana kebiasaannya tempoh kehidupan yang masih berbaki bagi golongan ini lebih singkat berbanding tempoh yang telah mereka lalui. Justeru, peluang untuk beramal soleh perlu direbut dengan penuh semangat dan kesungguhan. Sesungguhnya tiada lagi ruang untuk kita terus lalai dengan kehidupan dunia kerana masa sudah suntuk!

Penulis Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM)